

UMS bantu penyelidikan dalam kajian Neurosains

HB 24-07-2012 A2

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**
conyppearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengalukan usaha penyelidikan mengenai otak dan sistem saraf dalam kajian Neurosains.

Naib Canselor Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata, pihaknya akan memberikan sokongan padu serta bantuan yang diperlukan dalam menjalankan usaha kajian itu.

Menurutnya, menerusi Simposium Antarabangsa Neurosains 2012 yang berlangsung selama tiga hari itu juga memberi peluang bagi menambah pengetahuan dalam kajian Neurosains dan hubungkaitnya dengan manusia.

“Fungsi otak amat penting dalam meneruskan kelangsungan hidup seluruh organisma termasuk manusia.

“Perkembangan otak yang sihat dalam persekitaran optima juga amat penting kepada kejayaan seseorang individu.



SHARIL (kiri) memalu gong sebagai simbolik perasmian itu sambil diperhatikan oleh Kamarudin (dua kanan) dan Perumal (kanan).

“Justeru, kita perlu menerima hakikat ini jika ingin menyumbangkan kepada kesejahteraan ekonomi negara,” katanya

pada Majlis Perasmian Simposium Antarabangsa Neurosains 2012, di sini kelmarin. Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan

Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Sharil Yusof.

Sementara itu, Dekan Sekolah Perubatan, Prof

Dr D Kamarudin D Mudin berkata Simposium pada kali ini juga bakal menarik minat para peserta yang ingin menambahkan ilmu pengetahuan dalam neurological disorders seperti Alzheimer, Parkinson, Schizophrenia dan Spina bifida.

T a m b a h n y a , perkembangan Neurosains di Malaysia juga tidak seperti negara Asia lain seperti Singapura, Korea Selatan, China dan Jepun iaitu dengan kadar enam hingga 20 peratus yang dijangka dalam setahun.

Dalam padai itu, seramai 300 orang menyertai simposium itu yang dianjurkan UMS dengan kerjasama Institut Penyelidikan Brain Monash Sunway (BRIMS) dan Neuro Malaysia Society, yang turut dihadiri oleh 15 pensyarah terkemuka daripada Malaysia, Jepun dan Australia untuk berkongsi pengalaman.

Turut hadir, Pengerusi Simposium Antarabangsa Neurosains 2012, Profesor Dr Perumal Ramasamy dan tetamu kehormat yang lain.